

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN SIVIL)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCvC-1958-10/2020

Dalam Perkara Mengenai suatu litigasi Kepentingan  
Awam yang dibawa oleh Syed Iskandar Bin Syed Jaafar  
(No. K/P: 670329-03-5819)

Dan

Dalam Perkara Mengenai Perkara-Perkara 40 dan 150  
Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Mengenai Akta Mahkamah Kehakiman  
1964

Dan

Dalam Perkara Mengenai Kaedah-Kaedah Mahkamah  
2012

ANTARA

Syed Iskandar bin Syed Jaafar  
(No. 670329-03-5819)

...PLAINTIF

DAN

Kerajaan Malaysia

...DEFENDAN

DAN

Ridha Abdah bin Subri

(No. K/P: 830717-14-6131)

*[membawa tindakan dalam kapasiti sebagai*

*Setiausaha Agung, serta untuk dan bagi pihak*

**PERSATUAN PEGUAM-PEGUAM MUSLIM**

**MALAYSIA (PPMM)]**

...PENCELAH DICADANGKAN

**AFIDAVIT SOKONGAN**

Saya, Ridha Abdah bin Subri (No. K/P: 830717-14-6131), seorang warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat pekerjaan di Tetuan Ridha & Rai, SA/13A/07, Plaza Azalea, No 6 Persiaran Bandaraya, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Setiausaha Agung kepada Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM), dan telah diberi kuasa penuh dan sempurna bagi mengikrarkan Afidavit Sokongan ini, sebagai menyokong permohonan PPMM sebagai Pencelah Dicapadangkan (di mana saya membawa tindakan untuk dan bagi pihak PPMM).
2. Melainkan sekiranya dinyatakan sebaliknya, segala fakta yang diikrarkan di dalam Afidavit ini adalah benar mengikut pengetahuan peribadi saya dan/atau melalui dokumen milikan saya dan/atau daripada rekod-rekod dan dokumen yang saya mempunyai akses kepadanya dan sesungguhnya percaya kebenarannya dan/atau daripada sumber-sumber yang telah pun berada dalam domain awam yang Mahkamah Yang Mulia ini boleh membuat pengiktirafan kehakiman terhadapnya, dan benar.
3. Saya memohon kebenaran Mahkamah Yang Mulia ini untuk merujuk kepada kertas-kertas kausa berikut:-
  - (a) Saman Pemula bertarikh 30.10.2020; dan
  - (b) Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh Syed Iskandar bin Syed Jaafar pada 28.10.2020.

(secara kolektif dirujuk sebagai "**Kertas-Kertas Kausa Difailkan Plaintiff**")

**Intipati Permohonan Plaintiff Menyentuh Isu-Isu Perlembagaan Persekutuan dan Kepentingan PPMM**

4. Saya telah dinasihati oleh Peguamcara PPMM, yang saya percaya sebagai benar, intipati Kertas-Kertas Kausa Difailkan Plaintiff telah menyentuh dan menimbulkan tiga perkara teras dalam Perlembagaan Persekutuan, antara lainnya seperti berikut:-
  - (a) kuasa budi bicara Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 40 dan 150 Perlembagaan Persekutuan, iaitu sama ada Yang Di Pertuan Agong mempunyai kuasa untuk menolak nasihat Perdana Menteri dan/atau Jemaah Menteri untuk mengisytiharkan darurat, jika Yang Di Pertuan Agong tidak *berpuas hati* dengan nasihat tersebut;
  - (b) keabsahan pindaan Perlembagaan melalui Akta A514 yang memasukkan klausa (8) dan (9) ke dalam Perkara 150; dan

- (c) persoalan pemisahan kuasa di antara eksekutif, legislatif dan kehakiman, yang mana KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga berfungsi sebagai salah satu cabang tunjang bagi semak dan imbang di dalam konsep pemisahan kuasa di Malaysia melalui prinsip Raja Berperlembagaan.

### **Latar-Belakang PPMM sebagai Pencelah Dicapai**

- 5. Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), PPMM ditubuhkan pada 18.03.1988, dan didaftarkan mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dengan nombor pendaftarannya 680/88 (Wilayah Persekutuan). Pada ketika ini terdapat hampir seribu orang ahli PPMM yang terdiri dari kalangan Peguambela dan Peguamcara, Peguam Syarie, Pensyarah dan orang berkecayaan yang tidak beramal.
  - 5.1. Dikembangkan di sini sesalinan Sijil Pendaftaran PPMM dan ditanda sebagai **Ekshibit R-1**.
- 6. Secara jelas dan khusus, PPMM ditubuhkan dengan matlamat antara lainnya seperti berikut:-
  - (a) bagi membantu dan menjaga kepentingan ahli-ahli, yang kebanyakannya terdiri dari kalangan Peguambela dan Peguamcara yang berguam di Mahkamah sivil dan Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia;
  - (b) bagi menyatupadukan dan menjaga kepentingan-kepentingan dan faedah peguam Muslim di tanah air; dan
  - (c) bagi memelihara kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan.
- 7. Selain daripada matlamat-matlamat khusus yang dirujuk dalam perenggan 6 di atas, PPMM juga telah terlibat secara langsung dalam banyak proses rundingan dan konsultasi yang menyentuh mengenai isu undang-undang dan Perlembagaan, selain turut memberi nasihat kepada pelbagai entiti, termasuk Majlis-Majlis Agama Islam di beberapa negeri, mengenai kedudukan dan tafsiran Perlembagaan Persekutuan, yang termasuk di dalamnya mengenai kemuliaan, kebesaran dan kesucian institusi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja di negara ini.

8. Dengan yang demikian itu, saya telah dinasihati oleh Peguamcara PPMM, yang saya sesungguhnya percaya sebagai benar, bahawa PPMM mempunyai kepentingan sah undang-undang (*legal interest*) untuk menjadi pihak di dalam tindakan ini, kerana walau apa pun keputusan Mahkamah dalam perkara ini kelak, ia akan memberi kesan secara langsung dan tidak langsung bukan sahaja kepada PPMM sebagai sebuah pertubuhan, tetapi juga kepada ahli-ahli PPMM sama ada yang beramal sebagai Peguam mahupun yang tidak beramal, yang kesemuanya merupakan rakyat Malaysia yang berhak untuk membawa mana-mana persoalan Perlembagaan ke Mahkamah Yang Mulia ini.
  
9. Saya juga mengatakan fakta-fakta dan alasan-alasan lanjut sebagai tambahan kepada yang diperihalkan di atas sebelum daripada ini, adalah seperti berikut:-
  - (a) Plaintiff telah memilih untuk tidak menamakan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mahupun, Datuk Pengelola Bijaya Diraja, yang mengeluarkan kenyataan media bagi pihak Istana, pada 25.10.2020 berhubung dengan titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menolak Nasihat Perdana Menteri dan Jemaah Menteri bagi tujuan pengisytiharan Darurat Kesihatan, maka pada hakikatnya Kerusi KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau wakilnya, tidak berhak terlibat dalam pendengaran secara terus berkaitan perkara ini di Mahkamah Yang Mulia ini;
  
  - (b) walhal Defendan yang dinamakan adalah Kerajaan Malaysia yang seperti lazimnya melibatkan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, iaitu pihak sama yang telah menasihati KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apabila mereka menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 23 Oktober 2020 bagi tujuan perolehan pengisytiharan Darurat Kesihatan, maka pada hakikatnya pihak Defendan mempunyai kepentingan untuk menyokong tindakan yang difailkan oleh Plaintiff; dan
  
  - (c) Defendan sebagai Kerajaan Malaysia, akan diwakili oleh pejabat Peguam Negara, yang pada hakikatnya seperti yang dilaporkan, Peguam Negara Tan Sri Idrus Harun telah turut bersama dengan rombongan Perdana Menteri dan Jemaah Menteri, menghadap KDYMM Seri Paduka Baginda di-Pertuan Agong pada 23 Oktober 2020 tersebut, maka Pejabat Peguam Negara adalah dalam keadaan bertembung kepentingan untuk secara khusus menyampaikan bantahan tindakan

ini dan/atau menyokong keputusan titah KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu.

*Dikembarkan bersama-sama di sini sesalinan laporan **The Star** bertarikh 25.10.2020 bertajuk "No Emergency, Says King", yang mengesahkan bahawa "on Friday, October 23rd, Muhyiddin and several Ministers presented the Sultan Abdullah with the plan to declare a state of emergency at Istana Abdul Aziz in Kuantan.... They were accompanied by the Inspector-General of Police, Tan Sri Abdul Hamid Bador, **Attorney General Tan Sri Idrus Harun**, and ....." sebagai **Ekshibit R-2**.*

10. Oleh yang demikian, PPMM seperti mana yang telah diperincikan latar belakangnya, berhak, antara lain, untuk diberi kedudukan sebagai pencelah seperti yang dipohon di sini bagi tujuan menentukan, demi proses keadilan asasi (*natural justice*) untuk menyampaikan keterangan dan/atau hujahan bagi tujuan menyokong keputusan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong tersebut.
11. Adalah mustahak permohonan pencelahan ini dibenarkan, bagi mengelakkan suatu situasi di mana PPMM selaku Pencelah dicadangkan terpaksa terikat dengan sebarang Perintah dan/atau Penghakiman yang diperolehi oleh Plaintiff (jika dibenarkan oleh Mahkamah) terhadap Defendan tanpa sebarang peluang diberi kepda PPMM untuk menyuarakan hujah dan pendiriannya mengenai tafsiran-tafsiran berkaitan mengenai Perlembagaan Persekutuan.
12. Dengan penuh kerendahan hati, saya memohon agar Mahkamah Yang Mulia ini membenarkan saya mencelah untuk dan bagi pihak PPMM ke dalam tindakan ini, melalui perintah-perintah seperti berikut:-
  - (a) bahawa Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas diberi kebenaran untuk mencelah di dalam Saman Pemula ini;
  - (b) bahawa Pencelah Dicadangkan yang dinamakan di atas dijadikan dan dinamakan sebagai pihak seperti berikut:-
    - (i) 'Pencelah' sahaja;
    - (ii) jika (i) diputuskan tidak memenuhi keperluan perundangan dalam penamaan pihak pencelah, sebagai 'Defendan Kedua'; atau

(iii) mana-mana turutan Defendan yang bersesuaian,

di dalam Saman Pemula ini;

- (c) bahawa Plaintiff dan Defendan adalah dibenarkan untuk meminda Saman Pemula dan Afidavit Sokongan serta Afidavit Jawapan dan memfailkan kertas-kertas kausa tambahan lain dalam tindakan ini (jika perlu) dan menyerahkan sesalinan kertas kausa kepada Pencelah Dicapadangkan dengan menyatakan kesnya berkenaan dengan Pencelah Dicapadangkan;
- (d) bahawa Pencelah Dicapadangkan yang dinamakan di atas dibenarkan untuk memfailkan Afidavit Jawapan dan kertas kausa lain dalam masa empat belas (14) hari daripada tarikh perintah Mahkamah membenarkan pencelahan ini dan/atau suatu tarikh lain yang diarahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini;
- (e) bahawa huraian awalan ('intitulement') dan pihak-pihak dalam tajuk kausa tindakan ini adalah dipinda menurut Perenggan (a) dan (b) di atas;
- (f) bahawa atas isu kepentingan awam, tiada perintah mengenai kos; dan
- (g) mana-mana perintah lain yang difikirkan adil, wajar dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.


Berkenaan dengan Afidavit oleh seorang deponen )

**RIDHA ABDAH BIN SUBRI** )


**(No. K/P: 830717-14-6131)** )

Diikrarkan pada **04 NOV 2020** )

Di **Kuala Lumpur** )  
**Wilayah Persekutuan** )



Di hadapan saya,



**AFIDAVIT SOKONGAN** ini difailkan oleh Tetuan Amelda Fuad Abi & Aidil, peguamcara Pencelah Dicapangkan yang dinamakan, dengan alamat penyampaian di 33-2, The Core, Jalan Teknologi 3/6B, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Tel: 03-61489604 Faks: 03-61489605 [Ruj: AFAA/20/Lit/436/AM(AK)]

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN SIVIL)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCvC-1958-10/2020

Dalam Perkara Mengenai suatu litigasi Kepentingan Awam yang dibawa oleh Syed Iskandar Bin Syed Jaafar (No. K/P: 670329-03-5819)

Dan

Dalam Perkara Mengenai Perkara-Perkara 40 dan 150 Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Mengenai Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Dan

Dalam Perkara Mengenai Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

Syed Iskandar bin Syed Jaafar

(No. 670329-03-5819)

...PLAINTIF

DAN

Kerajaan Malaysia

...DEFENDAN

DAN

Ridha Abdah bin Subri

(No. K/P: 830717-14-6131)

[membawa tindakan dalam kapasiti, serta

untuk dan bagi pihak **PERSATUAN PEGUAM-**

**PEGUAM MUSLIM MALAYSIA (PPMM)] ...PENCELAH DICADANGKAN**

**PERAKUAN EKSHIBIT**


Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah ekshibit yang ditandakan sebagai **Ekshibit R-1** yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh **RIDHA ABDAL BIN SUBRI** pada .....04 NOV 2020.....

PESURUHJAYA SUMPAH



the Spaces  
Blok B01-B-15  
Level 15, Menara 2  
KL Eco City  
3 Jalan Bangsar  
59200 Kuala Lumpur





**MALAYSIA**

**AKTA PERTUBUHAN 1966  
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984**

**BOKANG 3  
(Peraturan 2)**

**PERAKUAN PENDAFTARAN**

*Adalah diperakui bahawa*  
**PERSATUAN PEGUAM-PEGUAM MUSLIM MALAYSIA**

*hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7  
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah*

**PPM-003-14-18031988**

*Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada  
18 hari bulan Mac 1988*

**(MOHD ZAFWAN BIN AB GHAFAR)**

*l.p. Pendaftar Pertubuhan,  
Malaysia*

*Ditakikan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Pertubuhan  
Tandatangan ini hari-bulan Januari 2016*

No. Migrasi: **WKL1143/87**

*Dokumen ini adalah cetakan komputer. Tandatangan tidak diperlukan.*

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
(BAHAGIAN SIVIL)

SAMAN PEMULA NO. WA-24NCvC-1958-10/2020

Dalam Perkara Mengenai suatu litigasi Kepentingan Awam yang dibawa oleh Syed Iskandar Bin Syed Jaafar (No. K/P: 670329-03-5819)

Dan

Dalam Perkara Mengenai Perkara-Perkara 40 dan 150  
Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Mengenai Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Dan

Dalam Perkara Mengenai Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

Syed Iskandar bin Syed Jaafar

(No. 670329-03-5819)

... PLAINTIF

DAN

Kerajaan Malaysia

... DEFENDAN

DAN

Ridha Abdah bin Subri

(No. K/P: 830717-14-6131)

*[membawa tindakan dalam kapasiti, serta*

*untuk dan bagi pihak PERSATUAN PEGUAM-*

*PEGUAM MUSLIM MALAYSIA (PPMM)]* ... PENCELAH DICADANGKAN

**PERAKUAN EKSHIBIT**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa yang berikut ini adalah ekshibit yang ditandakan sebagai **Ekshibit R-2** yang dirujuk dalam Afidavit Sokongan yang diikrarkan oleh **RIDHA ABDHAH BIN SUBRI** pada ... ~~04~~ 4 NOV 2020 .....



the Spaces  
Blok B01-B-15  
Level 15, Menara 2  
KL Eco City  
3 Jalan Bangsar  
59200 Kuala Lumpur

# No Emergency, says King (updated)

NATION

Sunday, 25 Oct 2020 6:28 PM MYT

by RASHVINJEET S. BEDI and ASHLEY TANG



KUALA LUMPUR: The Yang di-Pertuan Agong has decided that there is no need to declare a state of emergency in the country.

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Suitan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah also reminded all politicians to immediately put a stop to all forms of politicking that could disrupt the stability of the country, said the Comptroller of the Royal Household of Istana Negara Datuk Ahmad Fadli Shamsuddin.

"Sultan Abdullah also said that there was no need for Members of Parliament to continue their irresponsible actions that could disrupt the stability of the existing government," he said in a statement on Sunday (Oct 25).



Home



Nation



World



Sports



Opinion

He said Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin on Friday (Oct 23) had requested the proclamation of emergency under Article 150(1) and proclamation of Emergency (Essential Powers 2020) Ordinance pursuant to Article 150 (2B) of the Federal Constitution to combat the threat of the Covid-19 pandemic in the country.

"The King strongly believes in the ability of the government under the leadership of the Prime Minister to continue to implement policies and carry out enforcement to curb the Covid-19 pandemic from spreading," he said.

Ahmad Fadil added that Sultan Abdullah stressed that the 2021 Budget to be tabled in Parliament was very important to the people to combat Covid-19 and to restore the nation's economy.

"As such, the financial allocation is much-needed by frontliners to ensure they can carry out their jobs and responsibilities smoothly," he said, adding that Sultan Abdullah was very concerned about the people's worries due to the emergence of several new clusters and the spike in daily cases.

Ahmad Fadil said that Sultan Abdullah urged everyone, regardless of their background and political leaning, to set aside all differences and unite and play their respective roles to help the government and the authorities to curb the spread of Covid-19.

The Malay rulers had earlier held a special meeting at Istana Negara on to discuss the government's plan to declare a state of emergency to tackle the worsening Covid-19 situation.

On Friday (Oct 23), Muhyiddin and several ministers presented the Sultan Abdullah with the plan to declare a state of emergency at Istana Abdulaziz in Kuantan.

They were accompanied by the Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador, Attorney General Tan Sri Idrus Harun and Health Ministry director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

## KENYATAAN MEDIA

Kuala Lumpur, 25 Oktober, 2020 – Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah berkenan memperhalusi permohonan yang telah dipersembahkan oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin di majlis menghadap di Istana Abdul Aziz, Kuantan, Pahang pada Jumaat lalu (23 Oktober, 2020).

Permohonan tersebut ialah pelaksanaan Darurat Perkara 150(1) dan Pemasyhuran Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu 2020) menurut Perkara 150(2B) Perlembagaan Persekutuan untuk memerangi ancaman wabak COVID-19 di negara ini.

Setelah memperhalusi permohonan dan berbincang dengan Raja-Raja Melayu dan melihat situasi yang sedang dihadapi oleh negara, Al-Sultan Abdullah merasakan Kerajaan sekarang telah berjaya menangani wabak ini dengan baik dan berkesan.

Seri Paduka Baginda amat mempercayai keupayaan Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri untuk terus melaksanakan dasar dan tindakan penguatkuasaan bagi membendung gejala wabak COVID-19 ini dari terus merebak.

Al-Sultan Abdullah berpendapat tiada keperluan buat masa ini untuk Seri Paduka Baginda mengisytiharkan darurat di negara ini atau mana-mana bahagian negara Malaysia.

Kendatipun begitu, Seri Paduka Baginda ingin mengingatkan ahli-ahli politik untuk memberhentikan segera segala *politicking* yang boleh mengganggu kestabilan pemerintahan negara.

Al-Sultan Abdullah turut berpendapat bahawa tiada perlunya Ahli-ahli Parlimen meneruskan tindakan tidak bertanggungjawab yang boleh mengganggu gugat kestabilan Kerajaan sedia ada.

Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa Belanjawan Negara 2021 yang akan dibentangkan di sidang Parlimen adalah amat penting kepada rakyat di dalam menangani wabak COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara. Justeru, peruntukan kewangan amat diperlukan oleh petugas barisan hadapan bagi melancarkan tugas dan tanggungjawab mereka.



Home



Local News



World News



Sports



Opinion

Sesungguhnya, Al-Sultan Abdullah amat prihatin terhadap kegelisahan seluruh rakyat ekoran daripada kenaikan mendadak beberapa kluster baharu dan kes positif harian COVID-19 di negara ini.

Al-Sultan Abdullah menzahirkan keyakinan bahawa dengan semangat perpaduan dan juang yang tinggi seperti yang telah pernah dipamerkan bersama, kita mampu sekali lagi berganding bahu memerangi gelombang ketiga penularan wabak ini.

Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda menyeru seluruh rakyat, tanpa mengira latar belakang dan khususnya fahaman politik, mengeneipkan segala perbezaan dan perbalahan untuk bersatu padu dan bersatu hati memainkan peranan masing-masing dalam membantu Kerajaan dan pihak-pihak berkuasa membendung wabak COVID-19 demi keselamatan diri dan kesejahteraan negara yang kita cintai bersama ini.

Al-Sultan Abdullah turut mengambil kesempatan ini mengajak seluruh rakyat untuk bersama Seri Paduka Baginda berdoa semoga wabak COVID-19 ini dapat dibanteras dengan berkesan dan diakhiri dengan segera.

Dato' Indera Ahmad Fadil Shamsuddin  
**Datuk Pengelola Bijaya Diraja**  
**Istana Negara**

#### Related stories:

[PM to meet with MBs and CMs, special Cabinet meeting on Monday \(Oct. 26\) \(updated\)](#)

[Meeting of Rulers at Istana Negara ends](#)

#### TAGS / KEYWORDS:

[Emergency](#) , [Yang Di-Pertuan Agong](#) , [Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah](#)

Did you find this article insightful?

92% readers found this article insightful



Home



Politics



International



Sports



More

The Star Digital Access

Our Rate Card

SMS Services

Classifieds

Newsstand

Other Publications

**Company Info**

**Help**

About Us

Contact Us

Job Opportunities

FAQs

Investor Relations

**Policies**

Privacy Statement

Terms & Conditions



**Subscribe to our FREE newsletter!**

Enter Your Email Address Here

Subscribe

Copyright © 1995- 2020 Star Media Group Berhad (10894D)  
Best viewed on Chrome browser.



Home



News



Sports



Entertainment



More